

**JURNAL QIRAAT****Jurnal al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,

Universiti Islam Selangor (UIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor

2026, Vol 9, Bil 1, Halaman 65-72

Tahap Minat Pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Universiti Islam Selangor Terhadap Ilmu Qiraat.

[The Level of Interest in Qiraat Studies among Diploma Students in Tahfiz al-Quran and al-Qiraat at Selangor Islamic University]

Mohd Mahfuz Jaafar ^{1*}, Muhammad Fairuz A. Adi,² Ahmad Mursyid Mohammad Noor³¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor 43000 Bandar Seri Putra, Kajang, Malaysia.² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor 43000 Bandar Seri Putra, Kajang, Malaysia.³ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor 43000 Bandar Seri Putra, Kajang, Malaysia.

* Corresponding Author: Mohd Mahfuz Bin Jaafar. Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, mohdmahfuz@uis.edu.my, +60173899667.

Artikel dihantar: 14 Mei 2026

Artikel diterima: 29 Jun 2026

Artikel diterbit: 30 Jun 2026

ABSTRACT

The science of Qiraat is an important branch in Qur'anic studies that explains the diversity of mutawatir recitations. In the present day, it has also become a program of study or a subject offered in several higher education institutions in Malaysia. However, students' level of interest in this field varies and may influence their mastery of it. Therefore, this study was conducted to assess the level of students' interest, particularly among those enrolled in Qiraat programs, and to identify the factors that influence such interest. To achieve these objectives, the study employed a quantitative approach using a survey design involving 30 respondents selected randomly. Based on the analyzed data, the findings indicate that the level of students' interest is high. Factors such as lecturers, teaching methods, perceptions of the usefulness of Qiraat knowledge, and intrinsic motivation show a positive relationship with students' interest. Meanwhile, educational background shows a significant difference, whereas gender does not demonstrate a notable difference. Overall, the findings suggest that the science of Qiraat remains relevant and well-received. However, improvements in pedagogical aspects and learning support should be given attention to further strengthen and sustain students' interest.

Keywords

The Level of Interest; Student Interest; Science of Qiraat

ABSTRAK

Ilmu qiraat merupakan cabang penting dalam pengajian al-Quran yang menjelaskan kepada kepelbagaian bacaan yang mutawatir dan syadhdhah. Pada masa kini ia juga telah menjadi satu program pengajian atau satu subjek pembelajaran di beberapa institusi pengajian di Malaysia. Namun begitu, tahap minat pelajar terhadap ilmu ini dilihat berbeza-beza dan berpotensi mempengaruhi penguasaan mereka. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap minat pelajar khususnya bagi pelajar yang mengikuti program dalam bidang qiraat serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat tersebut. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan yang melibatkan 30 orang responden yang dipilih secara rawak. Berdasarkan data yang telah dianalisis, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap minat pelajar berada pada tahap tinggi, dengan faktor pensyarah, kaedah pengajaran, persepsi terhadap kegunaan ilmu qiraat dan motivasi dalaman yang mempunyai hubungan positif dengan minat pelajar. Manakala latar belakang pendidikan menunjukkan perbezaan yang signifikan dan jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ilmu qiraat masih relevan dan diminati, namun penambahbaikan dalam aspek pedagogi dan sokongan pembelajaran perlu diberi perhatian bagi memperkukuh minat pelajar secara berterusan.

Keywords

Tahap Minat; Minat Pelajar; Ilmu Qiraat.

How to Cite: Jaafar, M. M., A. Adi, M. F., & Mohammad Noor, A. M. (2026). Tahap Minat Pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Universiti Islam Selangor Terhadap Ilmu Al-Qiraat. *QIRAAT Jurnal Al-Quran Dan Isi-Isu Kontemporari*, 9(1), 65-72.


DOI: <https://doi.org/10.53840/esf89s53>

1.0 PENDAHULUAN

Ilmu qiraat merupakan satu cabang ilmu yang sangat penting dalam memahami pelbagai bentuk bacaan al-Quran yang diriwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW. Ia bukan sahaja berkait rapat dengan ketepatan dalam membaca al-Quran, tetapi juga memperlihatkan kekayaan dan keaslian tradisi ilmu Islam yang telah diwarisi turun-temurun. Ilmu Qiraat memainkan peranan yang besar dalam memastikan kefahaman yang tepat terhadap makna ayat-ayat al-Quran, kerana perbezaan dalam bacaan boleh membawa kepada variasi makna yang halus namun signifikan (Muhammad Syafee Salihin Hasan, 2024). Pengajian qiraat di institusi pengajian tinggi seperti Universiti Islam Selangor (UIS) memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir dalam hafazan al-Quran tetapi juga mendalami pelbagai bentuk bacaan (qiraat) serta latar belakangnya. Pengajian ini merangkumi aspek teori dan praktikal yang memerlukan pelajar memahami riwayat bacaan, hukum tajwid, dan aspek linguistik Arab dengan mendalam.

Walaupun pengajian qiraat telah ditawarkan secara formal dan bersistematik, satu persoalan dapat ditimbulkan iaitu mengenai tahap minat sebenar pelajar terhadap ilmu ini. Minat yang tinggi terhadap sesuatu bidang bukan sahaja memberi motivasi dalaman kepada pelajar untuk terus mendalami ilmu tersebut tetapi juga berkait rapat dengan tahap penguasaan, pencapaian akademik serta kesediaan pelajar untuk berperanan sebagai penyambung warisan keilmuan. Namun demikian, dalam kalangan pelajar terdapat pelbagai cabaran yang menghalang perkembangan minat ini, termasuk kekangan masa, beban subjek lain, tekanan peperiksaan, kekurangan strategi pengajaran yang interaktif dan menarik serta persepsi terhadap peluang kerjaya dalam bidang qiraat yang dianggap terhad. Tambahan pula, pelajar di institusi pengajian tinggi Islam kini datang daripada pelbagai latar belakang seperti sekolah tahfiz penuh, sekolah menengah agama dan ada juga yang melalui sistem pendidikan arus perdana. Latar belakang yang pelbagai akan mempengaruhi tahap pendedahan awal terhadap ilmu qiraat serta kemahiran asas bacaan yang diperlukan untuk menguasai qiraat secara mendalam. Perbezaan ini mewujudkan jurang antara pelajar yang benar-benar berminat dengan mereka yang sekadar mengikuti kursus sebagai keperluan pengajian (Hayati Hussin 2023).

Selain itu, faktor suasana pembelajaran di universiti juga memberi kesan. Ini termasuk interaksi antara pensyarah dan pelajar, bahan pengajaran yang digunakan, kemudahan prasarana, serta sokongan pentadbiran dan akademik. Kaedah pembelajaran yang terlalu berpusatkan kuliah tanpa aplikasi praktikal atau pengalaman interaktif boleh melemahkan minat pelajar terhadap subjek yang memerlukan latihan lisan dan penghayatan seperti ilmu qiraat. Dalam dunia



pembelajaran abad ke-21, pelajar cenderung lebih tertarik kepada kaedah pengajaran yang menggabungkan teknologi, interaksi, dan aplikasi dunia sebenar (Abdul Hamid 2023).

Oleh itu mengetahui tahap minat pelajar terhadap ilmu ini sangat penting bagi menambah baik kurikulum, strategi pengajaran, penyediaan kemudahan, serta sokongan akademik dan kerjaya kepada mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyelami secara kuantitatif dimensi minat pelajar terhadap ilmu qiraat di UIS, termasuk faktor-faktor yang mempengaruhinya serta implikasi terhadap usaha memperkukuh tradisi keilmuan al-Quran dalam pendidikan tinggi Islam.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Ilmu qiraat merupakan salah satu cabang ilmu al-Quran yang penting dalam memastikan ketepatan bacaan al-Quran sebagaimana yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW. Penguasaan ilmu ini bukan sahaja melibatkan aspek teori, malah memerlukan kemahiran praktikal melalui kaedah talaqqi dan musyafahah yang dilaksanakan secara berterusan. Oleh itu, institusi pengajian tinggi yang menawarkan program Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang berkemahiran serta mampu memelihara keaslian bacaan al-Quran. Namun demikian, keberkesanan proses pembelajaran ilmu qiraat bukan hanya bergantung kepada kandungan kurikulum, bahkan turut dipengaruhi oleh tahap minat pelajar terhadap ilmu tersebut. Kajian oleh Hasan (2024) menegaskan bahawa pengajaran ilmu qiraat memerlukan pendekatan pedagogi yang sistematik dan bersesuaian bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai.

Manakala dalam dunia pendidikan moden, keperluan untuk memahami faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi motivasi dan minat pelajar terhadap bidang pengajian mereka semakin kritikal (Atiqah Yazid, 2024). Dalam konteks ilmu qiraat yang memerlukan daya tumpuan tinggi, penguasaan bahasa Arab dan pemahaman terhadap sejarah serta disiplin ilmu Islam klasik, tahap minat pelajar akan sangat menentukan keberhasilan pendidikan mereka. (Ahmad Junaidi Mohamad Said, 2020). Selain itu, sikap pelajar yang kurang bertanya semasa sesi pembelajaran berlangsung. Sikap pelajar yang pasif dan tidak bertanya merupakan petanda kelemahan komunikasi dua hala dalam kuliah. Pelajar lelaki khususnya lebih cenderung untuk berdiam diri dan mengambil pendekatan tidak bertanya berbanding perempuan walaupun terdapat isi pelajaran yang kurang difahami (Muhammad Syafee Salihin Hasan, 2025). Melalui demografi soal selidik kita dapat tahu adakah jantina memainkan peranan dalam mengukur tahap minat seseorang pelajar. Kajian ini juga ingin melihat apakah faktor yang mendorong minat pelajar terhadap ilmu qiraat, adakah kerana pengaruh pensyarah, gaya pengajaran, bahan rujukan, suasana pembelajaran, atau disebabkan latar belakang pelajar sendiri.

Berdasarkan semua isu yang dinyatakan ini, jelas menunjukkan bahawa perlu ada satu kajian kuantitatif yang mendalam untuk memahami pelbagai faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap ilmu qiraat. Kajian ini tidak hanya memberi manfaat kepada pihak fakulti dan universiti, tetapi juga dapat membantu penggubal dasar pendidikan Islam serta institusi berkaitan untuk menambah baik pendekatan pengajaran ilmu qiraat, memperkasa motivasi pelajar, dan memperkukuh kesinambungan tradisi ilmiah dalam bidang bacaan al-Quran

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk:

- (i) Menenalpasti tahap minat pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat terhadap ilmu qiraat.
- (ii) Meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap ilmu qiraat.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian Nur Rashidan Ashaariy (2021) bertajuk Persepsi Peserta Kuliyyah Al-Furqan Kolej Al-Quran Terengganu Terhadap Ilmu Qiraat menunjukkan minat peserta berada pada tahap tinggi, manakala pada kategori sikap dan tahap pengamalan responden berada pada tahap sederhana tinggi. Responden bagi kajian ini merupakan peserta-peserta bagi kelas qiraat yang dijalankan di Kuliyyah Al-Furqan Kolej Al-Quran Terengganu. Kajian ini mempunyai kaitan dengan penyelidikan yang dijalankan kerana kedua-duanya meneliti aspek minat terhadap ilmu qiraat. Namun demikian, terdapat perbezaan dari segi konteks kajian. Kajian Nur Rashidan Ashaariy (2021) memfokuskan peserta Kuliyyah Al-Furqan di Kolej Al-Quran Terengganu, manakala kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di Universiti Islam Selangor. Oleh itu, kajian ini dijangka dapat memberikan dapatan baharu mengenai tahap minat pelajar di institusi pengajian tinggi serta menyumbang kepada penambahbaikan strategi pengajaran dan pembelajaran ilmu qiraat.

Menurut Zainora Daud (2023), sebahagian pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami konsep asas qiraat sekiranya mereka tidak mempunyai latar belakang tahfiz atau pendedahan awal terhadap ilmu ini. Perkara ini dilihat serba sedikit akan memberi kesan kepada tahap minat pelajar dalam mendalami atau mempelajari ilmu qiraat. Kajian ini mempunyai hubungan dengan penyelidikan yang dijalankan kerana kedua-duanya membincangkan faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap ilmu qiraat. Walau bagaimanapun, kajian Zainora Daud (2023) lebih memfokuskan kepada kesan latar belakang pendidikan terhadap kefahaman asas ilmu qiraat, manakala kajian ini memberi penekanan kepada tahap minat pelajar Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat Universiti Islam Selangor terhadap ilmu qiraat secara keseluruhan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap minat pelajar serta hubungannya dengan proses pembelajaran ilmu qiraat di peringkat institusi pengajian tinggi.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur tahap minat pelajar terhadap ilmu qiraat secara objektif dan sistematik melalui penggunaan data berangka. Reka bentuk tinjauan membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh berkaitan kecenderungan, persepsi serta faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap sesuatu bidang pengajian dalam tempoh masa tertentu. Kajian ini memberi fokus kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program Diploma Tahfiz al-Quran Dan al-Qiraat di Universiti Islam Selangor.

6.0 INSTRUMEN KAJIAN


Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan objektif kajian serta disokong oleh sorotan literatur berkaitan minat pelajar dan pengajian ilmu qiraat.

Instrumen kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu:

- Bahagian A: Maklumat Demografi Responden
- Bahagian B: Tahap Minat Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Qiraat
- Bahagian C: Faktor Pensyarah dan Kaedah Pengajaran
- Bahagian D: Faktor Persekitaran Pembelajaran

Skala Likert lima mata digunakan bagi mengukur tahap persetujuan responden terhadap setiap item, iaitu:

1. Sangat Tidak Setuju
2. Tidak Setuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat Setuju



7.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis data soal selidik yang diedarkan kepada pelajar Diploma Tahfiz al-Quran Dan al-Qiraat.

7.1 Analisis Demografi Responden (Bahagian A)

No.	Item	Kategori	Jumlah	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki	22	73.3%
		Perempuan	8	26.7%
2.	Umur	20-24	23	76.7%
		25-29	7	23.3%
3.	Latar Belakang Pendidikan	Tahfiz Penuh	17	56.7%
		Sekolah Menengah Agama	12	40%
		Arus Perdana	1	3.3%
4.	Pengetahuan tentang ilmu Qiraat di peringkat menengah	Tinggi	3	10%
		Sederhana	15	50%
		Tiada	12	40%
5.	Tahun pengajian terkini	Tahun 1 (Semester 1&2)	3	10%
		Tahun 2 (Semester 3&4)	6	20%
		Tahun 3 (Semester 5&6)	21	70%
6.	Sebab utama belajar di UIS	Pilihan sendiri	17	56.7%
		Pilihan ibu bapa	3	10%
		Sendiri dan ibu bapa	6	20%
		Mengikut kawan	2	6.7%
		Tiada pilihan lain	2	6.7%

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden terdiri daripada pelajar lelaki berumur antara 20 hingga 24 tahun serta mempunyai latar belakang pendidikan tahfiz. Walaupun demikian, tahap pengetahuan awal terhadap ilmu qiraat di peringkat menengah adalah berbeza, dengan sebahagian besar hanya berada pada tahap sederhana atau tiada pendedahan langsung. Dari segi pemilihan institusi, majoriti memilih untuk melanjutkan pengajian di Universiti Islam Selangor atas kehendak sendiri. Secara keseluruhannya, profil demografi ini menggambarkan bahawa responden mempunyai asas pengajian al-Quran yang baik, namun perbezaan pendedahan awal terhadap ilmu qiraat berpotensi mempengaruhi tahap minat dan penguasaan mereka dalam bidang tersebut.

7.2 Tahap Minat Pelajar terhadap Ilmu Qiraat (Bahagian B)

Skala Likert 1–5 digunakan. Berikut adalah ringkasan statistik:

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Minat mendalami qiraat secara berterusan.	4.47	0.62	Tinggi
2.	Ilmu qiraat penting dalam pengajian al-Quran.	4.67	0.47	Tinggi

3.	Seronok menghadiri kelas qiraat.	4.43	0.65	Tinggi
4.	Bersedia luangkan masa tambahan.	3.83	0.73	Tinggi
5.	Minat meningkat sejak masuk UIS.	4.23	0.59	Tinggi

Purata skor menunjukkan pelajar mempunyai minat tinggi terhadap ilmu qiraat, terutama dalam aspek kepentingan ilmu qiraat dan motivasi untuk terus belajar. Walau bagaimanapun, kesediaan untuk meluangkan masa tambahan menunjukkan sedikit ruang untuk penambahbaikan dalam motivasi dalaman dan persekitaran pembelajaran.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap minat pelajar terhadap ilmu qiraat berada pada tahap tinggi hingga sangat tinggi berdasarkan nilai min yang diperoleh. Majoriti responden menunjukkan sikap yang positif terhadap pengajian qiraat serta mengakui kepentingannya dalam memahami al-Quran secara lebih tepat.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa aspek kepentingan ilmu qiraat, seperti memahami perbezaan bacaan, ketepatan sebutan dan kesan terhadap makna ayat, mendapat skor yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar memahami fungsi ilmu qiraat dalam pengajian al-Quran. Walaupun terdapat cabaran dalam mempelajari bidang ini, seperti keperluan latihan berterusan dan penguasaan teori, pelajar masih menunjukkan minat untuk terus belajar. Namun begitu, dapatan berkaitan kesediaan meluangkan masa tambahan yang sedikit lebih rendah menunjukkan bahawa komitmen pelajar masih boleh dipertingkatkan.


7.3 Faktor Pensyarah dan Kaedah Pengajaran (Bahagian C)

Skala Likert 1–5 digunakan. Berikut adalah ringkasan statistik:

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Pensyarah jelas menerangkan qiraat.	4.13	0.57	Tinggi
2.	Gaya pengajaran menarik.	4.03	1.03	Tinggi
3.	Aktiviti amali membantu minat.	4.30	0.65	Tinggi
4.	Maklum balas pensyarah membina.	4.10	0.61	Tinggi
5.	Kaedah pengajaran yang interaktif membantu minat.	4.07	0.44	Tinggi
6.	Penggunaan bahan bantu mengajar membantu pemahaman qiraat.	4.13	0.57	Tinggi
7.	Pensyarah memberi sokongan yang mencukupi.	3.97	0.67	Tinggi

Analisis seterusnya menilai pengaruh pensyarah dan kaedah pengajaran terhadap tahap minat pelajar terhadap ilmu qiraat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor pensyarah merupakan antara faktor paling dominan dalam mempengaruhi minat pelajar. Majoriti responden bersetuju bahawa penguasaan ilmu oleh pensyarah, kejelasan penyampaian, serta keupayaan pensyarah menjelaskan konsep qiraat secara sistematik dan tersusun dapat meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap subjek ini. Sikap pensyarah yang mesra, terbuka untuk berbincang serta memberikan maklum balas yang membina turut dikenal pasti sebagai elemen penting dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Dari segi kaedah pengajaran pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan yang menggabungkan elemen teori dan amali didapati lebih berkesan dalam menarik minat pelajar berbanding pendekatan yang bersifat teori semata-



mata. Kaedah pengajaran yang melibatkan latihan bacaan secara langsung, perbincangan perbezaan wajah qiraat, demonstrasi bacaan, serta aplikasi praktikal dalam konteks ayat al-Quran membantu pelajar memahami ilmu qiraat dengan lebih jelas dan bermakna.

7.4 Faktor Persekitaran Pembelajaran (Bahagian D)

Skala Likert 1–5 digunakan. Berikut adalah ringkasan statistik:

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Bahan-bahan rujukan ilmu qiraat di perpustakaan mencukupi.	3.90	0.66	Tinggi
2.	Kemudahan makmal, bilik qiraat mencukupi	4.00	0.74	Tinggi
3.	Rakan sekelas memberi sokongan	4.13	0.73	Tinggi
4.	Aktiviti berkumpul membantu	4.30	0.65	Tinggi
5.	Sokongan pentadbiran	3.80	0.62	Tinggi
6.	Bahan bacaan & audio mencukupi	3.90	0.66	Tinggi
7.	Bahan bacaan & audio mencukupi	3.83	0.70	Tinggi

Analisis terhadap faktor persekitaran pembelajaran menunjukkan skor min berada dalam julat 3.80 hingga 4.30, yang menggambarkan bahawa persekitaran pembelajaran ilmu qiraat berada pada tahap memuaskan hingga baik. Faktor-faktor seperti kemudahan pembelajaran, suasana bilik kuliah, sokongan rakan sebaya, serta ketersediaan bahan bantu mengajar didapati memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengalaman pembelajaran pelajar.

Suasana kelas yang kondusif dan sokongan rakan sebaya membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa dan menyokong, sekali gus menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, skor yang tidak mencapai tahap sangat tinggi menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, khususnya dari segi penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih pelbagai, kemudahan pembelajaran yang lebih lengkap, serta pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan pelajar.

8.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap minat pelajar tahun akhir Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat di Universiti Islam Selangor terhadap ilmu qiraat berada pada tahap yang memberangsangkan dan positif, dengan majoriti responden memperlihatkan kecenderungan yang tinggi untuk memahami, mendalami serta menguasai bidang ini. Analisis statistik deskriptif yang dijalankan melalui nilai min dan sisihan piawai membuktikan bahawa pelajar bukan sahaja mempunyai minat terhadap ilmu qiraat sebagai keperluan akademik, malah melihatnya sebagai satu disiplin ilmu yang penting dalam memahami kepelbagaian bacaan al-Quran serta memperkukuh pengajian al-Quran secara menyeluruh.

Dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa faktor pensyarah dan kaedah pengajaran merupakan antara faktor paling signifikan yang mempengaruhi minat pelajar terhadap ilmu qiraat. Pensyarah yang memiliki penguasaan ilmu yang kukuh, penyampaian yang jelas, serta menggunakan pendekatan pengajaran yang sistematik dan bersifat amali didapati mampu meningkatkan kefahaman dan seterusnya menarik minat pelajar. Kaedah pengajaran yang menggabungkan latihan bacaan, perbincangan perbezaan wajah qiraat dan aplikasi praktikal secara langsung menunjukkan kesan yang lebih positif berbanding pendekatan teori semata-mata, selari dengan sifat ilmu qiraat yang menekankan aspek talaqqi musyafahah dan praktikal.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran memainkan peranan yang menyokong pembentukan minat pelajar. Faktor seperti suasana kelas, sokongan rakan sebaya, kemudahan pembelajaran dan ketersediaan bahan bantu mengajar berada pada tahap memuaskan hingga baik. Walaupun persekitaran pembelajaran ini tidak muncul sebagai faktor paling dominan, ia tetap memberi kesan terhadap keselesaan dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran, serta berpotensi untuk dipertingkatkan bagi menyokong pembelajaran ilmu qiraat yang lebih berkesan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dengan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Hamid, M. A. (2019). *Pengajian al-Qiraat dan kepentingannya dalam pengajian al-Quran*. Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Said Ambotang. (2020). Motivasi intrinsik dalam pembelajaran ilmu agama dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Pendidikan Islam*, 15(2), 45–58.
- Ahmad Junaidi Mohamad Said. (2020). Faktor minat pelajar terhadap pengajian al-Quran di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 8(1), 23–37.
- Azizi Yahaya, & Shahrin Hashim. (2018). *Psikologi pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Azman Ab Rahman. (2017). Kepentingan penguasaan ilmu Qiraat dalam kalangan pelajar tahfiz. *Jurnal Tahfiz dan al-Quran*, 3(1), 65–78.
- Fatin Nazmin Mansor. (2024). Persepsi pelajar terhadap kepentingan pengajian Qiraat dalam kerjaya profesional. *Jurnal Pengajian al-Quran dan Sunnah*, 12(1), 55–70.
- Hasan, M. S. S., Ab Latif, K. A., Ismail, M. R., & Yahaya, M. (2024). Keperluan model pengajaran ilmu tawjih al-Qiraat di institusi pengajian Qiraat Malaysia: Satu sorotan awal. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 7(1), 19–37. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i1.74>
- Nur Rashidan Ashaary. (2021). Perception of Kuliyyah Al-Furqan participants on the knowledge of Qirā'at. *International Journal of Al-Quran and Knowledge*, 1(2), 102–110.
- Zainab Ismail. (2019). Strategi pengajaran dalam pengajian Qiraat di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Pendidikan al-Quran*, 4(2), 33–47.
- Zainora Daud, & Ummi Kalsum Zulkifli. (2023). Kesignifikan Qiraat Jamak dalam pengajian Qiraat: Satu sorotan literatur. *E-Proceeding Islamic Science Social Postgraduate Conference 2023*, 82–86.
- Zulkifli Mohamad. (2018). Pengajian Qiraat dalam institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia. *Jurnal Al-Turath*, 2(1), 45–60.